

## **Tranformasi PTV ke arah Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama**

*Irwan Bin Rosleh*

### **ABSTRAK**

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan suatu pendekatan pendidikan yang berorientasi latihan dan memberi penekanan pada apa yang perlu dilakukan di tempat kerja sebagai hasil sama ada untuk memenuhi keperluan kerja atau meningkatkan perkembangan individu. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan modul kompetensi terdiri daripada modul – modul yang dipecah menjadi segmen hasil pembelajaran yang mesti dicapai berdasarkan pada standard yang ditetapkan oleh industri. Penilaian bertujuan untuk memastikan setiap pelajar mencapai semua keputusan (kemahiran dan pengetahuan) yang diperlukan oleh industri. Namun begitu, dalam dunia yang semakin mencabar, gabungan kemahiran serta pengetahuan berorientasikan pekerjaan sahaja didapati tidak mencukupi dalam usaha membangunkan potensi individu secara menyeluruh. Oleh itu, penerapan modal insan dalam pendidikan PTV harus diberi perhatian sebagai satu medium yang boleh digabungkan dengan unsur-unsur pendidikan dan memberikan kesan yang lebih baik kepada individu, institusi pendidikan kemahiran malahan dalam aspek pembangunan negara. Penerapan modal insan harus dimulakan diperingkat awal pendidikan jika mahu melahirkan generasi yang berkemahiran tinggi disamping memiliki ciri-ciri modal insan kelas pertama. Penulisan ini menggarap isu-isu berkaitan dengan peranan PTV dalam membangunkan potensi individu secara menyeluruh supaya menampilkan ciri-ciri modal insan yang berminda kelas pertama yang sering diperdebatkan akhir-akhir ini.

### **ABSTRACT**

*Technical and Vocational Education (TVE) is an education-oriented approach to training and focus on what needs to be done in the workplace as a result of either to meet the work requirements or enhance individual development. The teaching and learning competency-based modules of the module - the module is split into segments that have achieved learning outcomes based on standards set by the industry. Assessment aims to ensure that all students achieve all the results (skills and knowledge) required by the industry. However, in an increasingly challenging world, a combination of job-oriented skills and knowledge alone were not sufficient in order to develop the potential of the individual as a whole. Therefore, the application of human capital in education in TVE should be considered as a medium that can be combined with elements of education and provide better results for individuals, educational institutions but also in terms of skills development. Application of human capital should be instituted early stage of education if they want to produce a generation of highly skilled as well as having the characteristics of first-class human capital. The writing is working on the issues related to the role of TVE in the development of individual potential as a whole to show the characteristics of human capital with first class that is often debated lately.*

## **Pengenalan**

Proses pendidikan melambangkan sesuatu yang dapat membina pengetahuan, sikap dan potensi untuk berjaya dalam kehidupan. Pendidikan mencerminkan sesuatu penentuan kepada kedudukan negara yang lebih tinggi dan kesejahteraannya kepada semua rakyat malaysia. Justeru, apabila kita bertanya pada diri kita sendiri mengenai sistem pendidikan yang kita inginkan, kita sebenarnya mempersoalkan ciri-ciri generasi muda yang ingin kita lahirkan untuk menyumbang kepada pembangunan Negara pada masa hadapan. Oleh itu, apabila berbicara mengenai pendidikan, kita sememangnya menaruh harapan untuk masa depan. Dalam era abad ke-21, masa depan dilihat sebagai sesuatu yang pantas berubah dan penuh dengan persaingan. Masa depan seolah-olah terlalu hampir, malah kian mendekati tidak kira samada kita membincangkannya atau tidak mengendahkannya. Semua golongan harus sedar, inilah masanya bagi membangunkan pendidikan secara universal kerana jarak dunia menjadi semakin kecil dan lebih berkait. Peredaran zaman penuh dengan cabaran menuntut satu proses transformasi pendidikan yang boleh membangunkan generasi masa hadapan yang lebih mampan

Pendidikan di Malaysia secara dasarnya berteraskan agama Islam. Apabila membicarakan tentang pendidikan dalam Islam, sudah tentunya ia melibatkan proses untuk mencari unsur terpenting iaitu kebenaran, maka kebenaran yang dicari adalah juga bersifat universal dimana ianya mencakupi keseluruhan kehidupan manusia. Menurut Yusof Al-Qardhawi (1982) mendefinisikan pendidikan sebagai proses yang mencakupi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku. Kerana tujuannya ialah untuk menyediakan manusia bagi menghadapi hidup, baik dalam keadaan senang atau susah, dalam keadaan damai atau perang, di samping menyediakan mereka untuk menghadapi kebaikan dan kejahanatan, kemanisan dan kepahitan.

Justeru itu, hal ini tidak banyak bezanya dengan pendidikan dalam konteks pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). FPN dengan jelas menyatakan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pernyataan ini menggambarkan pendidikan secara umum dan pendidikan dari perspektif Islam kedua-duanya mempunyai objektif dan matlamat yang sama.

## **Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia**

Melalui perubahan dan perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa Anjakan paradigma dapat dilihat dalam konteks pendidikan dan latihan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Perubahan paradigma ini berlaku dengan tujuan untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan itu sendiri. Sebagai contoh, di dalam petikan rencana “*Pendidikan Sebagai Satu Industri*” dalam Dewan Masyarakat ada mengatakan bahawa,

*“Selepas kemerdekaan sistem pendidikan negara telah melalui banyak perubahan. Bermula dengan dasar untuk menyediakan peluang belajar kepada setiap rakyat, dunia pendidikan kita berkembang pesat dan kompleks. Matlamatnya juga sudah melewati dimensi baru dan lebih daripada sekadar memberi ilmu kepada masyarakat”*

Melalui petikan rencana diatas dapat digambarkan bahawa perubahan yang besar berlaku dalam arus pembangunan sistem pendidikan negara dan ianya memerlukan lebih daripada sekadar sumber ilmu malah meliputi keseluruhan aspek kehidupan.

Pembelajaran tidak terhad hanya di sekolah-sekolah atau di institusi tertentu sahaja. Pada masa kini, pendidikan dizahirkan sebagai keperluan ilmu sepanjang hayat yang boleh diperkembangkan serta dipelajari dimana-mana sahaja meliputi kehidupan seharian. Begitulah juga halnya dengan Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) yang memerlukan pendidik melahirkan produk insan yang seimbang dan dapat bersaing dalam dunia sebenar serta bekerja mengikut norma-norma yang murni yang lebih universal.

Dalam mencapai hasrat tersebut pelbagai dugaan serta cabaran yang harus ditempuhi seiring dengan perkembangan modernisasi masa kini, antaranya seperti yang terkandung dalam Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan yang diterbitkan oleh Haji Yahya Bin Emat (1993) menyatakan 4 cabaran utama dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional iaitu:

### **i. Sains dan Teknologi**

Pelbagai barang dan perkakasan untuk keperluan kehidupan dikeluarkan dan dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Untuk tujuan ini sudah pasti kita memerlukan ahli reka cipta yang mempunyai daya kreatif dan inovatif.

## **ii. Teknologi Maklumat**

Melalui penggunaan pelbagai alat dan perkakasan hasil kemajuan teknologi seperti teknologi digital, World Wide Webs dan Internet, kita dapat mencapai, menyimpan, mendapat balik dan menggunakan maklumat dengan cepat dalam masa yang singkat.

## **iii. Pasaran dan Industri**

Bidang perniagaan, perusahaan dan perdagangan akan berkembang dari bentuk pasaran secara kecil-kecilan kepada usaha yang luas di peringkat dunia. Pakar-pakar dalam bidang ekonomi dan keusahawanan memang menjadi satu keperluan yang sangat penting bagi meningkatkan produktiviti Negara.

## **iv. Modenisasi**

Proses modenisasi mempunyai koordinasi dan implikasi ke atas idea, pemikiran, sistem nilai, ‘world view’ dan budaya masyarakat. Masyarakat Malaysia akan menjadi bertambah kompleks dan kehidupan menjadi semakin mencabar

## **Modal Insan**

Salah satu faktor lain yang penting dalam menghadapi cabaran pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) pada masakini adalah pembentukan modal insan yang cermerlang dalam pelbagai bidang. Mantan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi masa hadapan. Generasi masa hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam usaha kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah Negara Bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang WAWASAN 2020.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, negara harus sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Dalam konteks organisasi, modal insan atau manusia adalah sumber yang paling terpenting disamping sumber-sumber lain seperti mesin dan peralatan, kewangan dan prosedur kerja. Manusia adalah penggerak organisasi dan penentu kejayaan pencapaian visi, misi, objektif, matlamat dan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan. Organisasi dianggotai oleh manusia-manusia yang datangnya daripada pelbagai latar belakang ekonomi, politik dan sosial. Kehadiran mereka sebagai warga organisasi adalah berbekal dengan keperluan asas bertonggakkan kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Dalam keadaan tertentu manusia mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang setaraf tetapi berbeza di antara satu sama lain disebabkan faktor kemahiran dan sikap yang tidak sama. Sikap merujuk kepada perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat, pendirian mahupun fikiran. Sikap banyak dipengaruhi oleh sistem kepercayaan yang dimiliki oleh seseorang individu yakni nilai yang terbentuk hasil daripada proses pemasyarakatan atau sosialisasi yang dilalui dan dialami oleh seseorang individu, bermula daripada dalam kandungan ibunya hingga ke liang lahad.

Walaubagaimana pun ilmu pengetahuan dan kemahiran tetap berkait rapat dengan sikap seseorang individu dalam menentukan perlakuan, perbuatan serta tindakan semasa melaksanakan tanggungjawabnya terhadap diri, keluarga, masyarakat, organisasi, agama, bangsa dan negara. Ilmu, kemahiran dan sikap menentukan cara kita berfikir sebelum bertindak. Kewarasian dan kebijaksanaan berfikir akan menghasilkan tindakan yang berkualiti dan produktif. Ianya terhasil daripada minda atau daya berfikir yang berdaya maju, kreatif, logik, kritis, rasional, lateral, tepat, betul, cepat, berkualiti dan produktif.

## **Modal Insan Melalui Pembangunan Sumber Manusia**

Menurut Abd. Hair Awang, Rahmah Ismail dan Zafir Mohd. Makbul (2009). Modal insan merupakan sesuatu yang dimiliki manusia yang menjadikan ia lebih berkualiti. Pelaburan jangka panjang secara makro dalam usaha untuk meningkatkan modal insan yang berkualiti memerlukan program seperti pendidikan, latihan, penghijrahan dan kesihatan. Ia merupakan strategi yang dilakukan untuk mencapai matlamat perancangan tenaga manusia yang telah ditetapkan.

Melalui pembangunan sumber manusia, tahap produktiviti setiap tenaga pekerja dapat dipertingkatkan. Ini dapat menyediakan tenaga manusia yang cukup mengikut kemahiran yang diperlukan dan seterusnya mencapai kecekapan penggunaan sumber manusia dalam sesebuah ekonomi.

Kepentingan meningkatkan modal insan bukan sahaja perlu ditekankan pada peringkat makro atau nasional, malah ia perlu ditekankan pada peringkat organisasi. Pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan modal insan yang berkualiti, produktif dan seterusnya akan meminimumkan masalah yang berkaitan dengan sumber manusia seperti ketaksepadanan, produktiviti rendah, ketidakhadiran, ketidakpuasan kerja, pusing ganti pekerja dan kecuaian di tempat kerja.

Pengurusan sumber manusia sebenarnya merupakan satu sistem, falsafah, dasar dan amalan yang mempengaruhi individu yang bekerja dalam organisasi. Proses itu meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pekerja, latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, pentadbiran pampasan, keselamatan dan kesihatan serta perhubungan perusahaan.

Kesemua fungsi pengurusan sumber manusia tersebut bertujuan untuk meningkatkan sumbangan pekerja ke arah pencapaian matlamat organisasi. Fungsi pengurusan sumber manusia perlu diuruskan sebaik-baiknya bagi memastikan kuantiti dan kualiti sumber manusia organisasi dapat menyokong segala misi, matlamat dan strategi yang ditetapkan oleh majikan.

Sebarang kelemahan yang terdapat pada pengurusan sumber manusia akan menjelaskan keseluruhan operasi organisasi. Oleh itu, pada peringkat organisasi, pengurus

sumber manusia memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan sumber manusia organisasi berjalan lancar dan berdaya saing.

Tambahan pula,dalam menghadapi proses pembangunan yang sentiasa berubah-ubah, dinamisme dalam kemahiran manusia adalah diperlukan. Contohnya mereka yang berpendidikan rendah dan kurang mahir mampu berubah dan berpeluang untuk terus meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat lebih tinggi serta mampu menguasai pelbagai kemahiran. Dalam era ini, tenaga kerja yang diperlukan adalah yang efisien, boleh mengaplikasikan pengetahuan dengan berkesan, inovatif, celik komputer dan boleh mengadaptasikan diri mereka kepada sebarang bentuk perubahan dan cabaran.

Pencapaian ini menuntut kepada rombakan yang sistematik dalam orientasi pembelajaran, penekanan pendidikan dan latihan dan kepekaan terhadap perubahan dalam merangka strategi pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang berkesan bagi meningkatkan kualiti modal insan negara.

Justeru,pembangunan sumber manusia adalah amat penting kerana manusia dirujuk sebagai modal yang dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Pembangunan sumber manusia juga boleh ditakrifkan sebagai penyepaduan pembangunan individu, pembangunan kerjaya dan pembangunan organisasi bagi mencapai produktiviti, peluang dan pengisian maksimum.

### **Minda Kelas Pertama**

Fokus PTV kearah melahirkan modal insan berkemahiran tinggi perlu ditransformasikan kepada pembangunan insan “berminda kelas pertama”. Pembangunan modal insan “berminda kelas pertama” yang bermutu tinggi melalui PTV pada hari ini menjadi salah satu keperluan. Apakah yang dimaksudkan dengan “minda kelas pertama?”. Secara ringkas ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Ciri-ciri tersebut merangkumi aspek penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan morality dan budaya yang menyumbang untuk kepentingan bersama dan pembangunan yang bersifat holistik. Inilah yang boleh dilabelkan sebagai agenda pembangunan tamadun dengan acuan imej tersendiri. Jauhkan diri dari sikap kelas minda ketiga ia itu malas bekerja, suka berlengah (procrastination), membuang masa, tiada berhemat, kerja sambil lewa, tidak bersemangat dan leka dan sebagainya.

Menurut Prof Dr Zaini Ujang (2006), minda kelas pertama tidak terbentuk dalam persekitaran sinonim dengan budaya hedonisme, ampuisme dan rasuah. Minda kelas pertama tidak bercambah jika ukuran ilmu hanya diasaskan kepada jenis sijil dan tahap kelayakan akademik. Dalam persekitaran merangsang pembangunan minda kelas pertama, ukuran ilmu dan pencapaian ialah kegigihan, iltizam, sumbangsan konkrit dan gaya hidup berasaskan kepentingan nilai ilmu. Disinilah perlunya pemberian, inovasi, penyelidikan dan reka cipta serta digabungkan dengan unsur nilai-nilai murni dalam merealisasikan capaian minda kelas pertama yang diinginkan. Dalam ertikata lain, mewujudkan insan berminda kelas pertama adalah mewujudkan insan berilmu dan dapat membezakan keburukan dan kebaikan serta melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil terhadap dirinya, masyarakat serta dalam konteks lebih besar iaitu alam.

Memupuk minda kelas pertama adalah salah satu daripada 5 teras Misi Nasional untuk mencapai matlamat RMK 9. Minda kelas pertama berteraskan kepada tiga faktor penting iaitu pertama adalah ketangkasan kerja, ketangkasan kerja bagi individu yang berminda kelas pertama mencerminkan kecekapan, kecepatan, kecergasan, kepantasan dalam menghasilkan kerja dengan tepat dan betul tanpa adanya kecacatan, kelewatan, kelembapan, kelengahan, kemalasan dan pembaziran.

Faktor kedua adalah ketepatan kerja, segala tindakan-tindakan yang terlibat dalam proses kerja akan dilakukan dengan cepat, jitu dan tepat untuk menghasilkan kerja yang cepat dan tepat tanpa kecacatan. Melakukan dengan cepat dan betul pada kali pertama dan sentiasa cepat dan betul seterusnya adalah kualiti individu yang berminda kelas pertama. Faktor yang terakhir adalah keberhasilan kerja, keberhasilan kerja adalah output daripada usaha seseorang individu. Output yang dihasilkan adalah perbandingan hasil yang ditetapkan dengan hasil yang dicapai.

Apakah pentingnya peranan Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam melahirkan modal insan kelas pertama?. Satu kajian yang dilakukan oleh Ahmad Tajudin, 2005 menyatakan bahawa persiapan teknikal 'kemahiran tangan' tanpa 'kemahiran nilai' tidak menjanjikan keberkesanan kerja serta kualiti kerja jangka panjang. Sebaiknya kemahiran perlu diintegrasikan untuk mencari keberkesanan kurikulum dan hasil yang memberangsangkan

secara menyeluruh. Maka, selain kemahiran dan pengetahuan, nilai dalam pekerjaan penting untuk bersama-sama disepadukan dan mencapai tujuan akhir yang lebih murni.

Secara dasarnya, pembangunan modal insan berminda kelas pertama tertumpu kepada penyediaan saluran kepada pendidikan. Melalui perkembangan terkini, negara kita telah melaksanakannya dengan baik. Pendidikan berteraskan modal insan terus menerima impak tertinggi terutama dalam perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional.

### **Membentuk Kurikulum PTV Melalui Penerapan Modal Insan Berminda kelas Pertama**

Sejak kebelakangan ini, pihak kerajaan menitikberatkan pembangunan modal insan dalam pendidikan teknik dan vokasional yang bertujuan bagi mencapai negara yang maju dan berdaya saing serta seimbang dari aspek fizikal serta kerohanian. Walaupun pendidikan PTV melahirkan ramai tenaga kerja yang berkemahiran di dalam sesuatu bidang, pemantapan modal insan sangat penting terutama di sekolah-sekolah kemahiran agar pelajar dapat mengaplikasikan ciri-ciri Modal Insan yang cemerlang pada masa akan datang.

Kurikulum yang dibentuk dengan membangunkan nilai-nilai kerohanian dapat membuka peluang kepada para pelajar untuk menjadi seorang pekerja yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran serta mempunyai nilai kerja yang disenangi serta mendapat imbuhan setimpal dalam melakukan kerja. Penerapan elemen-elemen yang terkandung dalam modal insan bukan hanya kepada para pelajar tetapi juga kepada seluruh pentadbiran pelbagai peringkat terutama sekolah yang mana merupakan pengaruh yang besar dalam pembentukan kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).

Sekiranya guru-guru yang mengajar mempunyai kemahiran tinggi, berpengetahuan dan menampilkan contoh yang baik serta menerapkan nilai-nilai murni yang baik kepada pelajar, maka tidak mustahil akan memudahkan lagi proses pembentukan kurikulum PTV seterusnya mencapai objektif jangka panjang pembentukan modal insan berminda kelas pertama.

### **Kesimpulan**

Pada dasarnya keseluruhan usaha melahirkan modal insan minda kelas pertama bukan sahaja dalam aspek pembangunan pengetahuan malah meliputi semua aspek kehidupan supaya menjadi warganegara yang produktif, berfikiran strategik dan sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran khususnya pada abad ke-21 ini.

Kejayaan dalam membentuk masyarakat maju menjelang 2020 sangat bergantung kepada keberkesanan usaha pembangunan dan pengurusan modal insan negara. Pembangunan sumber manusia terutamanya pendidikan dan latihan adalah penting kepada perkembangan ekonomi negara iaitu melalui peningkatan dalam produktiviti buruh, penyesuaian kepada kemahiran buruh dan akhirnya menyusun semula masyarakat dalam aspek guna tenaga.

Dalam erti kata lain, sektor perkhidmatan merupakan sektor yang memerlukan tenaga manusia yang ramai pada masa hadapan seperti pekerja pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja am. Untuk memenuhi keperluan tersebut, aktiviti perancangan dan pembangunan sumber manusia harus dilaksanakan dengan baik sebagai asas kepada pencapaian matlamat tersebut. Disamping itu, penerapan modal insan dalam memenuhi keperluan tersebut harus seiring dengan matlamat yang ingin dicapai supaya pekerja yang dilahirkan mampunya jati diri insani yang cemerlang.

Dalam hal ini, gabungan institusi PTV bersama-sama pihak kerajaan dan juga swasta diperlukan dalam menambahbaikan aktiviti pembangunan sumber manusia seperti menuahkan lebih banyak institusi pendidikan dan latihan, menambah lagi kursus-kursus yang bersesuaian dengan keperluan pasaran buruh serta menerapkan kualiti pendidikan modal insan melalui kurikulum serta meningkatkan kemahiran tenaga pengajar. Dengan ini negara kita akan dapat melahirkan lebih banyak sumber manusia yang berkualiti dan seterusnya meningkatkan produktiviti kerja, output negara, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Negara yang seiring dengan hasrat PTV melahirkan pekerja modal insan kelas pertama.

Sesungguhnya dalam usaha melahirkan pelajar modal insan pemikiran kelas pertama adalah dengan memahami antara satu sama lain. Setiap individu mesti mengakui akan persamaan dan bersyukur dengan perbezaan serta kekuatan, dan dengan cara ini dapat menjadi lebih kuat untuk menghadapi dunia bersama. Pendidikan Teknik dan Vokasional mampu bergerak lebih jauh lagi. Bayangkan apa yang dapat dicapai sekiranya setiap kanak-

kanak serta anak muda menyedari potensi mereka tanpa mengira bangsa dan keturunan bagi memegang kepentingan bersama demi masa depan negara.

Setiap rakyat khususnya pelajar harus memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang ada, disamping menambah nilainya dari masa ke semasa, ditambah pula dengan sikap yang sentiasa positif dalam melaksanakan kerja, inilah strategi yang terbaik dalam membina minda kelas pertama. Sifat keintegritian seseorang individu akan lebih memudahkan seseorang itu melaksanakan tugasnya dengan tangkas, tepat dan menjamin keberhasilan yang berkualiti.

Apa yang diharapkan ini bukanlah sesuatu yang tidak mungkin tercapai. Sebaliknya dengan usaha yang betul, dengan daya politik dan usaha orang ramai dan dengan sumber yang mencukupi, pendidikan kemahiran dapat mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah negara yang dinamik dan pelbagai dalam abad ke-21.

## Rujukan

Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa, (1994). Falsafah dan Konsep Pendidikan. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Dr. Abd. Hair Awang, Prof. Dr. Rahmah Ismail dan Dr. Zafir Mohd. Makbul, (2009). Pembangunan dan Pengurusan: Modal Insan Negara, Penerbit: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM.

H. Syahrin Harahap, (1999), Islam; Konsep dan implementasi pemberdayaan, Yogyakarta : PT Tiara Wacana Yogyakarta.

Haji Yahya Bin Emat, (1993). Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan (Jilid 37, Keluaran 78). Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020, Malaysia

Hussain Mohamed, (1998). Globalisasi Dalam Pendidikan. Dewan Masyarakat.

Mohd. Kamal Hassan (1994), “ Nilai-nilai universal Islam tentang kesejahteraan masyarakat “, dalam Ilmu dan kecemerlangan – dari perspektif Islam, Kuala Lumpur : IKIM.

Mohd. Zuhdi Marsuk, (2000), “ Pengajian sains, teknologi dan masyarakat : pendekatan bersepadu ke arah wawasan 2020 “, dalam Pengajian Umum di Alaf Baru, UKM, Bangi.

Mohd. Kamal Hassan (2000), “ Renungan tentang pembangunan sumber manusia di Malaysia : Menghadapi cabaran Abad ke-21 “, dalam Pembangunan sumber manusia di Malaysia : Cabaran Abad ke-21, Skudai : UTM.

Noraini Othman,(2000), “Globalisasi, pendidikan dan modeniti di Malaysia “, dalam Malaysia menanggani globalisasi : peserta atau mangsa, UKM Bangi.

Prof Dr Zaini Ujang, “Strategi capai piawaian minda kelas pertama”. (Wednesday, 27 December 2006)

Petikan: Buku Rasmi Tahunan Malaysia 2006 oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002) “ Perubahan dan pembangunan sosial menurut Ibn Khaldun“, dalam Seminar Pemikiran Ibn Khaldun 11, anjuran Majlis Agama Islam Sarawak.

Wan Mohd Nor Wan Daud, (2001) “Pembangunan di Malaysia : ke arah suatu kefahaman baru yang lebih sempurna”, Kuala Lumpur : ISTAC.

Yusoff Mohamad, (1989) “Bina Insan : Satu analisis kaedah”. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.